

Kehilangan keris punca kekecohan

JOHOL, Isnin — Dua bilah keris pesaka yang menjadi salah satu alat kebesaran Undang Luak Johol yang hilang 147 tahun lalu, dikatakan menjadi punca kekecohan adat dan perlantikan Undang Luak Johol.

Keris pesaka itu dikatakan hilang pada tahun 1840, selepas kematian Undang keenam, Datuk Abu Bakar Gobah (Tok Buncit), demikian kata seorang Datuk Lembaga, Datuk Menteri Zabudah Janan.

Menurutnya, apabila seseorang Undang meninggal dunia, segala alat kebesaran termasuk dua bilah keris itu, hendaklah diserahkan kepada penggantinya.

Tetapi setelah Datuk Abu Bakar meninggal dunia, keris itu tidak diserahkan kepada Undang ketujuh, Datuk Seato (Eto) oleh keluarga isteri Datuk Abu Bakar dari Suku Biduanda Raja Balang. Keris itu kemudian dikatakan hilang.

Beberapa Undang dan Datuk Lembaga yang terkemudian mencari dua keris itu tetapi tidak berhasil sehingga hari ini.

"Mungkin keris pesaka itu disembunyikan oleh balu Allahyarham Datuk Abu Bakar dan menjadi hakmilik Suku Biduanda Raja Balang Rumah Gadang, Bukit Istana, iaitu keluarga Puan Ramlah Abdul Samad, 49.

"Kerana dua keris itu ialah keluarga Puan Ramlah mendakwa kononnya berhak menyandang jawatan Undang Luak Johol dan mengaku berasal dari keturunan Puteri Setiawan, Undang Luak Johol pertama.

"Dua keris itu digunakan oleh anak kembar Puan Ramlah, Lokman dan Hakim menghalang Undang Luak Johol ke-12, Datuk Haji Abdul Rahman menjalani istiadat kerjan (tabal) dan bersiram di perigi Gadang dan menaikkan daulat di makam Gobah, Kampung Bukit Istana dekat sini Sabtu lalu," katanya.

Bellau menambah, jika keris yang digunakan oleh dua beradik itu, yang kini disimpan polis sebagai barang kes dalam peristiwa mengemukakan Sabtu lalu, benar-benar keris pesaka yang hilang itu, maka Datuk-Datuk Lembaga akan menuntutnya apabila kes itu selesai.

"Ketladaan dua keris itu tidak menghalang istiadat kerjan Datuk Undang dan tidak mencatitkan sesiapa juga yang menyandang pesaka Datuk Undang Luak Johol," katanya.